

12 OCT 2001

Mahathir-Pelancongan

DR MAHATHIR SERU UMAT ISLAM LAWAT NEGARA ISLAM LAIN

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyeru umat Islam melawat negara Islam lain untuk mengeratkan hubungan silaturahim di kalangan mereka.

Ketika merasmikan Mesyuarat Menteri Pelancongan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) kali kedua di sini, Dr Mahathir berkata: "Sebagai Menteri Pelancongan di negara Islam saudara-saudara mempunyai tugas yang jelas.

"Saudara-saudara perlu menggalakkan rakyat di negara saudara supaya melancong, melawat negara-negara Islam lain yang tidak begitu banyak diketahui oleh mereka."

Beliau berkata selain memberi sumbangan kepada kemajuan ekonomi di negara berkenaan, kegiatan itu juga akan membolehkan umat Islam mempelajari dan lebih memahami tentang umat Islam yang berlainan bangsa.

"Bagi orang Islam, mengenali saudara seagama mereka di negara lain boleh dikatakan hampir-hampir satu kewajipan. Kita mesti mengakui bahawa walaupun agama kita mengikat kita dalam tali persaudaraan, kita sebenarnya tidak begitu rapat antara satu sama lain," katanya.

Dr Mahathir berkata dengan mengenali antara satu sama lain secara lebih dekat, negara Islam akan dapat bekerjasama dengan lebih erat lagi di samping membantu melindungi kepentingan mereka bersama dalam dunia yang semakin mencabar.

"Secara bersendirian kita mungkin diketepikan. Tetapi jika kita bergerak bersama, kita mempunyai peluang. Sebelum kita boleh menyokong antara sama lain, kita perlu terlebih dahulu mengenali antara sama lain dengan lebih rapat lagi," kata beliau.

Dr Mahathir berkata adalah perlu untuk mengetahui tentang cara hidup orang lain kerana penduduk di negara-negara yang berlainan kini tidak lagi dipisahkan oleh sempadan.

"Memandangkan dunia kini semakin mengecil dan kita terpaksa menjadi jiran yang rapat dengan semua orang di dunia oleh kerana sempadan negara tidak lagi mengasingkan kita, maka terdapat keperluan yang benar-benar mendesak untuk kita melihat dan memahami bagaimana orang lain menjalani kehidupan mereka.

"Kalau tidak berbuat demikian kita akan mempunyai pandangan yang tidak tepat dan berat sebelah dengan semua orang melainkan dengan orang di negara kita sendiri sahaja," kata beliau.

Beliau juga menegaskan sekali lagi bahawa keganasan bukan cara orang Islam dan orang Islam tidak seharusnya menggunakan cara itu meskipun jika terdapat layanan yang tidak adil terhadap mereka.

"Ia hanya akan membawa lebih banyak kesusahan kepada orang Islam. Sebaliknya kita semua seharusnya berusaha memajukan negara-negara kita dan melengkapi diri kita dengan segala ilmu pengetahuan, kemahiran dan kemampuan untuk membolehkan kita melindungi diri kita tanpa bergantung kepada pihak lain," kata beliau.

Sebanyak 30 negara menyertai mesyuarat selama dua hari itu yang akan membincangkan antara lain beberapa rancangan untuk menggalakkan pelancongan di kalangan anggota OIC di samping meningkatkan infrastruktur di negara-negara itu.

-- BERNAMA

NM NM RM NMO